

# LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE LABUAN

Pada 15-17 Ogos 2008, Kelab Program Perniagaan Antarabangsa telah menganjurkan lawatan sambil belajar ke Labuan yang disertai seramai 66 orang pelajar SPE. Semasa di Labuan, rombongan telah mengadakan lawatan ke beberapa tempat utama seperti UMS-KAL dan Labuan Liberty Port Management Sdn. Bhd. Tujuan lawatan ini adalah untuk menimba pengetahuan pelajar berkenaan operasi perkapalan, pelabuhan dan logistik di Labuan disamping mengeratkan lagi hubungan di antara pelajar SPE dengan UMS-KAL. Semasa di UMS-KAL, Prof. Dr. Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa, Pengarah UMS-KAL sendiri telah menyambut rombongan pelajar SPE dan membawa ahli-ahli rombongan untuk meninjau fasiliti yang terdapat di sana. Para pelajar turut serta dalam meraikan Pesta Konvokesyen UMS-KAL yang pada masa sama dijalankan di sana. Lawatan ke Liberty Port Management Sdn.Bhd pula telah berjaya mendedahkan pelajar berhubung dengan industri pelabuhan serta logistik dalam menyokong pembangunan ekonomi sekitarnya.

